



Rujukan: UKM BEN/344/3
Tarikh: 21 November 2016

Dekan/Pengarah/Pengerusi/Ketua
Fakulti/Institut/Pusat/Jabatan
Universiti Kebangsaan Malaysia.

YBhg Prof Dato'/Tuan/Puan,

PENGUNAAN MESIN PENYALIN SEBAGAI MESIN CETAK (PRINTER)

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Bendahari telah menyewakan mesin penyalin bagi Pusat Tanggungjawab (PTJ) di Universiti dimana mesin tersebut juga boleh digunakan sebagai mesin pencetak. Selaras dengan keperluan penjimatan dan belanja berhemah, pihak kami memohon setiap PTJ dapat mengguna pakai mesin penyalin yang dibekalkan sebagai mesin pencetak juga. Ini bertujuan untuk menjimatkan kos toner yang semakin meningkat. Untuk makluman YBhg Prof Dato'/Tuan/Puan, sepanjang tahun 2016, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah membelanjakan hampir RM 2 juta untuk pembelian toner mesin pencetak.

Sekiranya mesin penyalin tersebut tidak mempunyai 'line' atau IP bagi proses penyambungan terus daripada komputer kepada mesin penyalin, sukacita pihak PTJ memohon 'line' atau IP tersebut dari Pusat Teknologi Maklumat (PTM) dan berhubung juga dengan pihak pembekal mesin penyalin tersebut untuk sebarang tetapan (setting) mesin penyalin kepada pencetak.


Kerjasama YBhg Prof Dato'/Tuan/Puan mengenai perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

'Akauntabiliti Pegangan Kita'

Yang benar,

KHALIJAH HJ BAKAR
Pengarah Eksekutif Kewangan
Jabatan Bendahari
Universiti Kebangsaan Malaysia



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779



- s.k - Pusat Teknologi Maklumat
Universiti Kebangsaan Malaysia
**(Sila sediakan 'line' dan IP kepada PTJ yang terlibat. Bersama-sama ini
dilampirkan senarai jabatan-jabatan yang menyewa mesin penyalin)**



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779